

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-35
DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA
DI PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA
24 JUN 2000

Pertama sekali, saya memanjat syukur ke hadrat ilahi di atas limpah kurnianya - sehingga dapat kita terus menikmati kemajuan dan kesejahteraan sejak negara mencapai kemerdekaan walaupun kita terpaksa berhadapan dengan berbagai cabaran dan halangan. Marilah kita bersama-sama berdoa agar kita terus dilimpahi dengan rezeki yang murah dan dijauhi dari segala ancaman musuh di dalam dan dari luar negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Tajudin Ramli, Presiden DPMM, serta majlis eksekutifnya di atas jemputan yang diberikan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan mesyuarat agung tahunan kali ke-35 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita sudahpun menjejak alaf baru, menuju era yang mendukung segala harapan. Namun demikian, apa yang sedang menanti di hadapan kita adalah satu persimpangan - persimpangan yang mungkin membawa keruntuhan kita atau yang berakhir dengan kegemilangan kita sebagai sebuah bangsa. Alaf baru yang sedang kita tempuhi kini diiringi pula dengan arus deras cabaran yang menggoyahkan lagi kedudukan bangsa kita. Arus deras tersebut di bawa oleh dua proses utama yang sedang merobah corak dan cara peradaban dunia kini - globalisasi dan liberalisasi. Dalam masa yang sama, kita dihimpit pula dengan dua cabaran dalaman yang besar - satu yang berkaitan dengan struktur ekonomi bangsa dan satu lagi pula ialah sikap bangsa Melayu itu sendiri.

Arus globalisasi yang sedang melanda kini bukanlah sesuatu yang baru. Globalisasi yang sedang kita hadapi adalah perkembangan dari tahap-tahap globalisasi sebelum ini, yang muncul sejak berlakunya perdagangan di antara pusat, daerah dan rantau, perdagangan di timur dan barat. Dunia sebelum ini telah menyaksikan tiga tahap globalisasi yang menunjukkan perkembangan perdagangan dan kuasa politik yang saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain. Tahap pertamanya adalah seperti yang dicirikan oleh `Laluan Sutera' atau `Silk Route' yang merentas gurun Gobi dan kawasan pergunungan asia tengah - sehingga hasil dan keluaran dari seluruh pelosok rantau Asia mencapai permintaan yang tinggi di gedung- gedung besar di Eropah. Ciri-ciri tahap ini juga dapat dilihat dengan `laluan monsun' atau `monsoon route' iaitu perdagangan maritim yang merentas Laut Cina Selatan dan Lautan Hindi - sehingga terkenal Melaka seantero dunia sebagai emporium perdagangan yang terbesar di rantau ini. Di kala inilah, orang Melayu menjadi terkenal sebagai pelayar dan pedagang dan di kala inilah juga, bahasa Melayu menjadi Lingua Franca di rantau, malah ditutur dan difahami di pusat-pusat perdagangan lain di luar rantau ini.

Globalisasi tahap kedua bermula apabila pusat-pusat perdagangan barat beralih pula ke Portugal dan Sepanyol. `Laluan Sutera' yang dikuasai oleh kuasa-kuasa Islam tidak disenangi. Penaklukan tentera digunakan sebagai strategi dan alat untuk menguasai perdagangan. Kuasa Eropah cuba menguasai `laluan monsun' dengan menakluki pusat-pusat perdagangan serantau. Empayar Melayu melaka turut

menjadi mangsa penaklukan tentera kuasa Portugis dan sejak itu, bermulalah keterpinggiran orang Melayu dari arus perdana ekonomi dunia. Bukannya kita mahu meratapi apa yang telah berlaku kepada kita, tetapi iktibar yang dapat kita pelajari dari peristiwa ini adalah betapa pentingnya bagi teras ekonomi global ketika itu dikuasai dengan apa jua cara pun. Perdagangan menerusi pertukaran barangan merupakan ciri utama ekonomi global ketika itu, maka penguasaan ke atas laluan dan pengangkutan menjadi strategik sehingga ada yang sanggup menggunakan kuasa tentera.

Globalisasi tahap ketiga pula bermula apabila Inggeris dan Belanda muncul sebagai kuasa utama di eropah dan corak ekonomi juga beralih dari yang berasaskan perdagangan kepada yang berteraskan pembuatan. Syarikat-syarikat swasta seperti English East India Company mengambil alih peranan yang dahulunya di tangan kerajaan. Apa yang bermula sebagai penaklukan ke atas pelabuhan-pelabuhan di rantau ini diikuti pula dengan penjajahan mutlak ke atas kerajaan dan negeri. Puncanya ialah hukum ekonomi global baru berteraskan pembuatan - ia menuntut pembekalan bahan mentah yang tidak hanya lancar tetapi juga murah. Itulah corak ekonomi yang diwarisi apabila kita mencapai kemerdekaan. Syarikat-syarikat penjajah mengangkut hasil bumi kita ke England untuk memenuhi keperluan bahan mentah kilang-kilang mereka, dan membawa masuk pula hasil keluaran kilang-kilang yang sama untuk memenuhi keperluan pengguna di sini. Ejen tempatan turut terdiri dari orang bukan Melayu dilantik untuk membantu pengedaran dan pemasaran ke seluruh ceruk dan rantau negara. Model yang sama digunakan di kampung-kampung dan munculnya perhubungan bercorak monopoli-monopsoni dalam perdagangan. Hasil tani orang Melayu dibeli dengan murah dan barangan keperluan rumah dan keluarga dijual dengan mahal sehingga timbul sistem yang tidak seimbang. Di samping ketiadaan budaya, kemahiran dan pengalaman yang canggih, jaringan infrastruktur pengedaran dan peruncitan yang begitu kukuh di tangan yang bukan Melayu menyebabkan kedaifan atau tiada langsung penglibatan orang Melayu dalam bidang ini - sejak negara mencapai kemerdekaan sehinggalah kini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Di atas kesedaran inilah, kepimpinan negara telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membetulkan ketidakseimbangan di antara ekonomi Melayu dan ekonomi bukan Melayu. Falsafah dan prinsipnya diteruskan dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) demi meneruskan usaha ini. Falsafah DEB merupakan reformasi tulen bangsa Melayu. DEB telah mewujudkan peranan yang jelas bagi peniaga dan usahawan Melayu, bukan sahaja setakat kehadiran. Pada hari ini pengarah Melayu bukanlah 'sleeping partner'. Mereka mempunyai peranan dalam pengurusan dan pembangunan masyarakat mahupun negara.

Pada saat-saat awal DEB dilaksanakan, peniaga dan usahawan Melayu terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah bersara, yang menjadi pengarah bumiputera di dalam syarikat yang dikuasai bangsa lain. Nama syarikat mungkin nama bumiputera, tetapi milik sebenar syarikat belum tentu di tangan Melayu. Orang Melayu dalam dunia perniagaan pada masa itu memegang jawatan 'PR', ditugaskan semata-mata sebagai pihak perantaraan syarikat dengan kerajaan.

Setelah tiga puluh tahun falsafah DEB dilaksanakan, kini wujudnya keadaan di mana orang Melayu tidak lagi terhad kepada watak-watak yang sedemikian. Melayu di dunia korporat hari ini terdiri daripada pengurus, pengarah kewangan, pengurus

pemasaran dan bermacam lagi jawatan yang berwibawa. Sungguhpun begitu tidak dapat dinafikan, bahawa struktur ekonomi Melayu masih lagi rapuh. Dan kita tidak dapat menafikan bahawa ekonomi Melayu yang sememangnya rapuh terjejas teruk ekoran kegawatan kali ini - jika dibandingkan dengan kemelesetan ekonomi negara pada tahun 1975 dan 1985-86. Ekuiti Melayu dan bumiputera adalah 19.4 peratus sahaja - jauh dari sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus. Golongan profesional Melayu dan bumiputera hanya 32 peratus dari jumlah bilangan profesional yang berdaftar dalam tahun 1998. Dalam tahun yang sama, kadar pengangguran di kalangan Melayu dan bumiputera adalah 5.5 peratus - jauh lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara, iaitu 3.9 peratus. Pendapatan purata bulanan Melayu dan bumiputera adalah RM2,038 dalam tahun 1998 - iaitu 21.8 peratus lebih rendah daripada pendapatan purata bulanan nasional sebanyak RM2,6068.

Kemiskinan di luar bandar, di mana sebahagian besar penghuninya adalah Melayu dan bumiputera, pada kadar 10.7 peratus adalah jauh lebih tinggi dari kadar kemiskinan 2.1 peratus di bandar. Negeri-negeri yang mempunyai majoriti penduduk Melayu adalah tinggi kadarnya: Kelantan - 19.2 peratus, Terengganu - 17.3 peratus, Kedah - 11.5 peratus, dan Perlis - 10.7 peratus, jika dibandingkan dengan Kuala Lumpur - 0.1 peratus, Selangor - 1.3 peratus, Pulau Pinang - 1.7 peratus, dan Johor - 1.6 peratus. Jelas terapar di sini bahawa kita masih jauh dari tujuan dan sasaran yang dihasratkan oleh falsafah dan prinsip yang terkandung dalam DEB. Usaha kita untuk membetulkan ketidakseimbangan di antara kaum menjadi lebih rumit, lantaran kita sedang dan akan berhadapan dengan realiti cabaran baru ekonomi dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kini kita berhadapan dengan globalisasi yang baru dari segi bentuk mahupun isinya. Globalisasi muncul bersama suatu lagi proses berpengaruh - iaitu, liberalisasi - sehingga ramai terpaksa menerima bahawa dunia tidak akan lagi bersempadan dan pasaran tidak akan lagi berbatas. Kedua-dua proses mengakibatkan pasaran dunia terbuka luas dan syarikat-syarikat tempatan terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi antarabangsa. Keadaan ini membangkitkan satu lagi cabaran bagi peniaga dan usahawan Melayu. Jika kita tidak mampu meraih kejayaan di muka bumi sendiri, apatah lagi bila kita terpaksa bergelut di arena antarabangsa. Survival bangsa Melayu akan ditentukan oleh sama ada cabaran ini dapat kita atasi ataupun sebaliknya. Selama tiga puluh tahun bangsa kita telah bergantung kepada kerajaan untuk membela nasib dan menjamin kejayaan kita. Ini tidak boleh dikekalkan. Jika bangsa Melayu tidak memperkasakan diri bagi membela nasib sendiri, bangsa kita tak mungkin maju ke tahap yang boleh dibayangkan.

Perkara ini, sudah berulang kali saya sebut, dan ingin saya jelaskan sekali lagi - kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk membina keupayaan serta memberi peluang kepada orang Melayu dari segi pendidikan, modal permulaan dan sebagainya. Usaha-usaha ini akan tetap kerajaan laksanakan supaya dapat dilanjutkan lagi dengan jayanya atas uca yang telah diberikan. Namun demikian, kerajaan tidak akan terus membantu golongan yang tidak mahu mengambil inisiatif untuk membantu dirinya sendiri. Jika kerajaan terus menghulurkan tangan kepada mereka yang tidak berminat untuk meningkatkan keupayaan diri sendiri, jika kerajaan terus membela nasib mereka yang lebih suka mencari keuntungan yang mudah, dan jika kerajaan terus menjamin kejayaan mereka yang hanya berpaut kepada saluran-saluran politik, kita tidak mungkin memenuhi matlamat yang dilahirkan tiga puluh tahun dahulu, apatah lagi harapan sebuah bangsa yang

berhadapan dengan cabaran-cabaran alaf baru.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Di samping globalisasi dan liberalisasi, ekonomi dunia sedang mengalami peralihan dari ekonomi yang berpaksikan pengeluaran, atau p-ekonomi, kepada ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan, atau k-ekonomi. Teknologi maklumat dan komunikasi muncul sebagai pengupayanya. Jika bahan mentah, tenaga buruh, dan modal merupakan faktor utama dalam p-ekonomi, modal manusia (human capital) dalam bentuk keupayaan dan kecanggihan pemikiran, penyelidikan dan pembangunan, serta ilmu yang terjana dan terkumpul merupakan paksi dan penggerak k-ekonomi. Pendek kata, daya otak akan lebih diutamakan dari daya otot. Peralihan kepada k-ekonomi bermakna bahawa ufuk Melayu harus diperluaskan. Kejayaan Melayu tidak boleh tertumpu sahaja kepada matlamat tiga puluh peratus ekuiti dalam bidang korporat. Di dalam sebuah k-ekonomi, kayu pengukur prestasi akan berubah.

Modal, tanah dan ekuiti merupakan aset yang boleh diagihkan, tetapi ilmu pengetahuan, iaitu aset yang akan menjadi lebih utama lagi dalam sebuah k-ekonomi, bukanlah sesuatu yang boleh dipindah alih dengan begitu mudah, sama ada dari kerajaan kepada rakyat, mahupun di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Ilmu pengetahuan mestilah ditimba dan dibina dalam diri masing-masing; kerajaan hanya mampu menyediakan prasarana sebagai pengupaya, tetapi usaha untuk menanamkan dan memperkasakan diri dengan ilmu pengetahuan, akhirnya terletak pada diri kita sendiri.

Selain daripada pegangan ekuiti Melayu dalam sektor korporat, kita harus menumpukan perhatian yang lebih kepada kayu ukuran baru untuk k-ekonomi. Kita harus memberi tumpuan kepada peratusan pakar sains, jurutera, penyelidik, pakar komputer dan usahawan dot com dari golongan Melayu. Kejayaan bangsa kita dalam k-ekonomi akan bergantung kepada kewujudan jisim genting atau critical mass pekerja-pekerja berasaskan ilmu pengetahuan atau knowledge workers. Peniaga-peniaga Melayu yang menghasilkan keuntungan dari sewa ekonomi atau 'economic rents' yang tidak produktif, tidak akan mempunyai peranan dalam k-ekonomi yang lebih cekap, lebih dinamik dan lebih berdaya saing.

Amat menggalakkan bagi kita melihat bahawa ramai dari golongan usahawan muda Melayu telah mula menerokai sektor teknologi maklumat. Peniaga muda pada hari ini lebih berani kerana tabah merintis sektor-sektor moden di mana perlindungan kerajaan kurang disediakan. Saya harap golongan muda Melayu ini boleh menggabungkan usaha-usaha mereka dan melibatkan penyertaan golongan saintis, jurutera-jurutera dan pakar-pakar penyelidik Melayu muda untuk menjalinkan satu perkongsian bestari bagi mewujudkan entiti korporat Melayu yang mampu mengatasi segala cabaran. Harapan bangsa dipikul oleh generasi ini. Saya harap Dewan Perniagaan Melayu yang dihormati dapat mengalu-alukan kehadiran mereka sebagai golongan korporat pelapis alaf baru.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dengan ini saya menyeru keahlian dan kepemimpinan DPMM agar realiti ini diambil kira dalam perjuangan untuk memartabatkan ekonomi Melayu dalam arus perdana ekonomi negara dan antarabangsa. Di dalam konteks inilah, saya ingin menyentuh tentang sikap budaya bangsa kita - sebagai unsur yang perlu dan penting untuk

menjamin tidak hanya kesinambungan survival bangsa tetapi juga kegemilangannya dalam alaf ini.

Walaupun banyak keadaan yang sudah berubah dan panjang zaman yang sudah dilalui, satu aspek negatif di dalam sikap dan budaya kita tetap kekal dan berterusan. Ia berbentuk budaya bercakaran sesama sendiri, dengki mendengki, fitnah memfitnah, dan jatuh menjatuhkan. daripada bersatu, dia bergaduh; daripada bermuzakarah, dia berpecah. tidakkah peristiwa perang uhud dapat dijadikan iktibar yang baik. Hampir kalah kaum muslimin setelah apa yang dipesan oleh rasullullah tidak dihiraukan mereka - dibelakangkan perjuangan demi mengejar dan berebut harta yang ditinggalkan oleh kaum musyrikin. Inilah yang sedang berlaku di kalangan kita sekarang ini - lupa kita terhadap perjuangan bersama lantaran kita berebutan dan bercakaran semata-mata untuk membolot kuasa dan harta. Apa yang lebih mengesalkan ialah bahawa bilangan segelintir inilah yang membawa bencana yang buruk terhadap bilangan yang umum. Perjuangan kita masih belum selesai. Liku yang harus dilalui masih jauh, dan ranjau yang harus dihadapi masih banyak. Pokoknya, kemuafakatan bangsa itu menjadi asas utama kesinambungan survival dan penempaan kegemilangan sebuah bangsa terutamanya dalam era yang mencabar ini. Inilah harapan kita yang terakhir. Jika hancur bangsa kita di masa depan, pangkal dan puncanya dari kita sendiri - kegagalan kita memupuk kemuafakatan dari sekarang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya memuji inisiatif yang diambil oleh Tan Sri Tajudin Ramli untuk menjalin rangkaian strategik dengan pusat- pusat penyelidikan sektor awam - untuk memperkenalkan hasil penyelidikan pusat-pusat ini kepada ahli-ahli DPMM khususnya, dan usahawan Melayu amnya, supaya dapat hasil penyelidikan ini dijadikan peluang perniagaan. Majlis taklimat dan pameran hasil penyelidikan USM semalam dan hari ini seharusnya merupakan langkah pertama. Saya berharap bahawa satu persefahaman dan jalinan yang lebih rapat lagi dapat dimeterai di antara DPMM dan USM demi memastikan kejayaan langkah pertama ini. Saya juga mengucapkan syabas kepada usm atas kesudiannya memberi kerjasama kepada DPMM. Ia merupakan contoh perikatan strategik serta perkongsian bestari di antara dua institusi yang berbeza peranannya tetapi satu tujuannya - memastikan kejayaan dan kegemilangan bangsa dalam konteks cabaran baru alaf ini.

Saya berharap bahawa mesyuarat agung DPMM kali ini dapat digunakan sebagai forum untuk perancangan dan pengaturan strategi pengukuhan ekonomi Melayu dan bumiputera dan bukannya sebagai forum untuk melepaskan geram dan marah, atau bercakaran. Lebih baik tak payah berhimpun jika itu tujuannya. Rumah yang reput tidak memerlukan musuh dari luar untuk meruntuhkannya: itulah analogi yang dapat digunakan untuk menggambarkan bahaya dan bencana jika kita terus bertelagah dan tidak bersatu.

Akhir sekali, dengan lafaz - bismillah- saya merasmikan mesyuarat agung tahunan kali ke-35 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

Sekian, terima kasih. Wassalam.